

Penduduk merungut bau najis lembu

Limpahan najis haiwan berkenaan memenuhi parit, masalah makin teruk setiap kali hujan

KUALA SELANGOR - Bau busuk akibat limpahan najis lembu ke dalam parit didakwa berpunca dari kilang pemprosesan susu lembu di Kampung Api-Api, di sini menimbulkan kerunsingan kepada lebih 1,000 penduduk setempat.

Pengarah Biro Aduan Rakyat PKR, S Manikavasagam mendakwa, limpahan najis lembu di kawasan perparitan kampung itu setiap kali hujan mengundang rungutan penduduk lebih enam bulan lalu.

Menurutnya, kilang yang turut menempatkan ladang menternak lembu itu mula menimbulkan masalah selepas sisa najis yang disalurkan ke parit melimpah selepas hujan lebat.

"Bau busuk mengganggu penduduk lebih-lebih lagi sisa najis tidak mengalir sempurna. Bila najis melimpah ke jalan selepas hujan lebat, penduduk bimbang kesihatan terancam.

"Jarak kilang terbabit begitu hampir dengan per-



MANIKAVASAGAM

kampungan India yang ada. Walaupun, aduan didakwa sudah dibangkitkan namun masih tiada tindakan," katanya.

Manikavasagam yang juga Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dun Bukit Melawati turut mempersoalkan sama ada kilang terbabit mempunyai permit operasi yang sah atau sebaliknya.

"Penduduk tertanya-tanya sama ada kilang itu beroperasi secara sah atau haram memandangkan tiada sebarang papan tanda nama syarikat atau makluman me-

ngenai perusahaan itu.

"Penduduk hanya tahu kilang itu dijadikan tempat proses susu lembu yang lengkap dengan kawasan ternakan lembu. Jadi yang menimbulkan isu adalah sistem pembersihan najis yang tidak sistematik.

"Sudahlah jerebu, penduduk terhadap hadapi bau busuk yang cukup memeningkan. Pihak berwajib perlu mengambil perhatian isu ini dan tindakan sewajarnya diambil demi kepentingan rakyat," katanya.

Sinar Harian difahamkan, aduan sama turut dipanjangkan Ketua Kampung Api-Api, Shamsul Ambia Baharom bagaimanapun sehingga kini masih belum ada perkembangan positif.

Menurut Shamsul, masalah pencemaran bau sudah berlarutan cukup lama namun penduduk mengambil inisiatif sendiri berjumpa dan berbincang dengan pengusaha supaya sisa najis dapat



Sisa najis yang dibuang di kawasan parit kampung menjejaskan lebih 1,000 penduduk setempat.

dibersihkan sebaiknya.

"Masalah ini sudah berlarutan sejak penghujung 2014 lalu dan isu menjadi kemuncak bila penduduk tak tahan bau busuk ketika sambut Aidilfitri sebab masa itu hujan lebat dan air parit melimpah dengan najis lembu.

"Saya dah minta pengusaha kilang itu selesaikan isu sisa najis yang jejakkan lebih 1,000 penduduk sebab aliran sisa najis masuk ke dalam kawasan kampung dan taman



Sisa susu dan najis lembu yang dibuang terus ke dalam parit berhampiran kilang di Kampung Api-Api.

perumahan.

"Kami dah bagi peluang kepada pengusaha supaya selesaikan masalah itu tapi sampai sekarang tak ada apa-apa tindakan. Penduduk makin marah dan tidak selesa dengan

keadaan ini.

"Sebab itu saya mohon kerjasama pihak berwajib supaya dapat bantu penduduk dan bebaskan kami dari masalah pencemaran bau yang cukup memualkan," katanya.